

ANALITIS DATA RAYA

Data Raya (Big Data) merupakan satu ledakan informasi yang seiring dengan pertumbuhan ekosistem penggunaan mobile dan data internet. Pelbagai jenis data berstruktur daripada sistem dan peranti seperti sensor dan IoT (Internet of Things), serta data tidak berstruktur daripada media sosial seperti blog, facebook, twitter, video CCTV dan sebagainya telah menyokong pertumbuhan Data Raya yang besar, pelbagai, pantas menghasilkan data, dan bernilai (volume, variety, velocity, value) sehingga kepada terabyte dan petabyte data.

Perkembangan fenomena Data Raya dan ketersediaan teknologi telah mendorong pertumbuhan inovasi baharu dan membuka ruang agensi Kerajaan dan Swasta bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat. Analitis Data Raya merujuk kepada penggunaan Data Raya untuk tujuan analitis bagi menghasilkan visualisasi dan aplikasi yang bermanfaat dari segi membantu dalam membuat keputusan dan perancangan.



Sumber : myGOV

Grafik : Jabatan Teknologi Maklumat